

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 20
RUANGAN : NASIONAL



**SI ASEAN
NEGERI PERAK 2023**
Majlis Sambutan Hari Denggi ASEAN Peringkat Negeri Perak dan Jelajah
Agenda Nasional Malaysia Sihat, Peringkat Daerah Kampar 2023,
semalam.

(Foto BERNAMA)

Kes denggi Perak melonjak

Kampar: Perak merekodkan peningkatan jumlah kumulatif kes demam denggi iaitu 2,005 kes sejak awal tahun ini berbanding 646 kes dalam tempoh sama tahun lalu, iaitu sebanyak 1,409 kes atau 218.1 peratus.

Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan dan Hal Ehwal Masyarakat India negeri, A Sivanesan, berkata keadaan itu membimbangkan, malah satu kematian denggi membabitkan seorang wanita dilaporkan di Kuala Kangsar pada Jun lalu.

"Pesakit yang bergejala harus mendapatkan rawatan segera di fasiliti kesihatan terdekat.

"Tindakan untuk mendapatkan rawatan awal adalah penting bagi mengelakkan berlaku komplikasi dan kematian dalam kalangan mereka yang menghidap demam denggi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Majlis Sambutan Hari Denggi ASEAN Peringkat Negeri Perak bertemakan 'Ke Arah Sifar Kematian Denggi' dan Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat, Peringkat Daerah Kampar 2023 di sini, semalam.

BERNAMA